

# Dalam Negeri



**ORANG ramai berbaris untuk menjalani ujian saringan Covid-19 percuma anjuran kerajaan negeri Selangor di Dewan Beringin, Taman Seri Gombak, Batu Caves, semalam. - UTUSAN/AMIR KHALID**

## 6,075 rekod tertinggi

Oleh PETAH WAZZAN ISKANDAR  
utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Malaysia merekodkan angka positif harian Covid-19 tertinggi semalam apabila sejumlah 6,075 kes dilaporkan, sekali gus mengatasi rekod yang dicatatkan pada 31 Januari 2021 iaitu 5,728 kes.

Selangor pula terus kekal memegang rekod bagi kes mengikut negeri dengan 2,251 kes selepas lebih seminggu mencatatkan kes melebihi 1,000 kes selain turut mencatatkan jumlah kematian yang terbanyak iaitu 19 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kes sembuh pula adalah sebanyak 3,516 kes, menjadikan kes aktif sebanyak 47,430 kes.

Dalam masa yang sama, katanya, sebanyak 559 kes memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) manakala 303 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Selain Selangor, majoriti negeri merekodkan kes tiga angkat iaitu Johor, 699 kes; Kuala Lumpur, 660 kes; Kedah, 445 kes; Kelantan, 441 kes; Sarawak, 323 kes; Perak, 220; Terengganu, 203 kes; Negeri Sembilan, 189 kes; Pulau Pinang, 183 kes; Sabah, 160 kes; Pahang, 150 kes dan Melaka, 122 kes.

"Labuan pula merekodkan 14 kes manakala Putrajaya, sembilan kes dan Perlis, enam kes," katanya dalam satu kenyataan

semalam.

Mengulas mengenai 46 kematian, beliau berkata, hanya Selangor merekodkan kes kematian yang tinggi iaitu 19 kes diikuti tujuh kes di Sarawak, enam kes di Johor, empat kes di Kelantan, masing-masing dua kes di Sabah, Kuala Lumpur, Pulau Pinang, dan Kedah serta Negeri Sembilan dan Melaka, masing-masing satu kes.

Katanya, seramai 26 lelaki dan 20 wanita termasuk satu warga asing berusia antara 17 hingga 91 tahun dengan pelbagai latar belakang penyakit.

"Seramai 32 kes melibatkan warga emas manakala pesakit meninggal di kediaman masing-masing, seramai lima orang.

"Antara penyakit yang dikesan iaitu kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik, jantung, Fibrosis pulmonari, parkinson, glaukoma, dislipidemia, leukemia, obesiti, strok, kanser, paru-paru obstruktif kronik, asma dan gout," kata-

nya.

Bagi 22 kluster baharu yang direkodkan, Dr. Noor Hisham berkata, lapan kluster tempat kerja, tujuh kluster komuniti, enam kluster keagamaan dan satu kluster pendidikan.

Lapan kluster tempat kerja katanya, Kluster Industri Bukit Raja di Klang, Selangor, 21 kes; Kluster Jalan 223 PJ di Petaling, Selangor, 16 kes; Kluster Jalan Endap Sawit melibatkan Samarahan, Serian, dan Kuch-

ing, Sarawak, 29 kes dan Kluster Jalan Tanjung Kupang di Johor Bahru, Johor, 199 kes.

"Empat lagi, Kluster Jalan Tuan Hitam di Besut, Terengganu, 38 kes; Kluster Paya Rumput Utama di Melaka Tengah, Melaka, 11 kes; Kluster Victoria Merdeka di Labuan, 16 kes dan Kluster Jalan Kampung Bakau di Kangar, Perlis, tujuh kes.

"Tujuh Kluster komuniti pula, Kluster Stunggang di Lundu, Sarawak, sembilan kes; Kluster Kampung Tanjong Jejulok di Pasir Mas, Kelantan, 15 kes; Kluster Kampung Limau di Lembah Pantau, Kuala Lumpur, 27 kes; Kluster Pagar Sungai Imam di Tawau, Sabah, 27 kes; Kluster Muhibbah Dua di Lahad Datu, Sabah, 14 kes; Kluster Kolopis di Penampang, Sabah, 13 kes dan Kluster Jalan Inang di Melaka Tengah, Melaka, 10 kes," katanya.

Tambahnya, enam kluster keagamaan iaitu Kluster Jalan Kenanga Pertama di Sabak Bernam, 29 kes; Kluster Jalan Pusara di Sepang, Selangor, 13 kes; Kluster Jalan Timah Empar di Johor Bahru, Johor, 25 kes; Kluster Taman Sri Rampai di Titiwangsa, Kuala Lumpur, tujuh kes; Kluster Kampung Keranji di Pasir Mas, Kelantan, 14 kes serta Kluster Kampung Batu Tiga melibatkan Batang Padang dan Kuala Kangsar, Perak, 10 kes.

"Bagi kluster pendidikan, Kluster Senduduk Satu di Johor Bahru, Johor, 16 kes," katanya.